

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

**FEK 203.2 - Pengantar Ubat-ubatan Tradisional
dan Farmakognosi**

Masa: 2 jam

Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dan 4 muka surat yang bertaip.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

I. Bincangkan kenyataan-kenyataan berikut secara ilmiah:

(A) Ubatan tradisional tidak memberikan kesan samping.

(6 markah)

(B) Bahan-bahan kimia yang diisolasi dari herba akan hilang keaktifannya jika diberikan bersendirian kerana bahan-bahan kimia tersebut bersifat sinergistik antara satu sama lain di dalam herba asal.

(6 markah)

(C) Ubatan herba yang diperolehi dari tumbuhan yang ditanam menggunakan baja organik semulajadi adalah lebih superior dari yang diberikan baja tak organik sintetik.

(6 markah)

(D) Penyembuhan yang berlaku setelah diberi rawatan ubatan tradisional adalah kesan plasebo.

(7 markah)

.....3/-

II. (A) Bincangkan herba-herba berikut dari segi kandungan bahan kimia, keputusan ujian ke atas haiwan, ujian klinikal dan kesan samping:

- (i) Rizom halia.
- (ii) Daun ginkgo.
- (iii) Royal jelly.
- (iv) Gel aloe.

(25 markah)

III. (A) Senaraikan jenis-jenis ginseng.

Bincangkan setiap jenis ginseng dari segi kandungan bahan kimia, keputusan ujian ke atas haiwan dan ujian klinikal.

(12 markah)

(B) Pempiawaian bahan ubat tradisional merupakan asas penting dalam menjamin kualiti suatu produk herba. Terangkan ciri-ciri penting proses pempiawaian.

(13 markah)

IV. (A) Terangkan maksud penjagaan kesihatan holistik. Beri contoh dan ciri-ciri utama yang terdapat di dalam sistem perubatan tersebut.

(B) Terangkan prosidur pendaftaran ubat tradisional oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Apakah ciri-ciri utama yang ditekankan di dalam prosidur tersebut.

(25 markah)

.....4/-

5. (A) Bagaimanakah amalan perkilangan baik (GMP) dilaksanakan bagi ubat tradisional? Terangkan dengan rajah ciri-ciri suatu kilang contoh.
- (B) Terangkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) yang diperlukan bagi menghasilkan produk ubat tradisional yang selamat, berkesan dan berkualiti.

(25 markah)

oooOOOooo